



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

PENYALURAN BANTUAN DAN SUMBANGAN KEPADA MANGSA BENCANA

PUTRAJAYA, 25 November – Jabatan Kebajikan Masyarakat merakamkan ucapan terima kasih dan amat menghargai keprihatinan semua pihak dalam menghulurkan bantuan kepada mangsa –mangsa bencana. Namun begitu, segala bentuk bantuan dan sumbangan yang di berikan perlu di selaraskan terlebih dahulu bagi memastikan sumbangan yang di terima bersesuaian dengan keperluan dan kuantiti yang mencukupi kepada mangsa-mangsa yang berada di Pusat Pemindahan Sementara. Perkara ini dilaksanakan bagi mengelakkan berlaku lambakan dan pembaziran serta pertindihan barang bantuan dan akhirnya berlaku kerosakan.

Sehubungan itu, terdapat 3 saluran sumbangan kepada mangsa bencana iaitu melalui :

- 1. Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB);**
- 2. Ibu Pejabat JKM / Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKMN) / Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD); dan**
- 3. Pusat Pemindahan Sementara (PPS).**

Para penyumbang boleh merujuk kepada infobencanaJKM melalui pautan <https://infobencanajkmv2.jkm.gov.my> untuk mendapatkan maklumat berhubung

status pembukaan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dan bilangan mangsa di PPS. Sebarang maklumat lanjut berhubung dengan penyaluran sumbangan, boleh menghubungi Bilik Gerakan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKMN) seperti berikut:

Bil	JKMN	No Telefon
1	JKMN Perlis	04-9708160
2	JKMN Kedah	04-7001700
3	JKMN Pulau Pinang	04-6505258/9
4	JKMN Perak	05-2545505
5	JKMN Selangor	03-55455598
6	JKM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	03-4010400
7	JKMN Negeri Sembilan	06-7659332
8	JKMN Melaka	06-2324670
9	JKMN Johor	07-2330399
10	JKMN Pahang	09-5650284
11	JKMN Terengganu	09-6274262
12	JKMN Kelantan	09-7416925
13	JKMN Sabah	088-255133
14	JKMN Sarawak	082-374888
15	JKM Wilayah Persekutuan Labuan	087-424961

UNIT PERHUBUNGAN AWAM
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
25 NOVEMBER 2025

